

Pencitraan Polemik Ekonomi Orang Melayu dalam Filem *Abang*

SITI NORMALA HAMZAH
Universiti Teknologi Mara

ABSTRAK

Artikel ini membincarkan isu dan polemik ekonomi masyarakat Melayu yang diangkat sebagai subjek dalam filem *Abang* (1981) arahan sutradara Rahim Razali. Secara umumnya orang Melayu mengalami perubahan dalam ekonomi yang ketara apabila kerajaan Malaysia mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 melalui Rancangan Malaysia kedua (RMK-2). Pembentukan dasar ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan sosioekonomi kepada semua rakyat serta membentuk perpaduan antara kaum. Pelaksanaan DEB ini banyak membuka ruang kepada orang Melayu untuk mengambil peluang daripada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat ketika itu namun secara tidak langsung transformasi ini juga telah mencetuskan konflik dan polemik baharu dalam kalangan orang Melayu. Filem yang dibuat selepas 10 tahun dasar baru ini dilancarkan secara dasarnya merupakan kritik sosial Rahim Razali terhadap masyarakat Melayu dalam era 80-an terutamanya yang berkaitan dengan jati diri serta cabaran semasa dalam menjunjung adat dan budaya bangsa. Kesemua pencitraan polemik ekonomi Orang Melayu telah diterjemahkan melalui watak-watak keluarga Dato' Din manakala watak-watak orang kampung pula merupakan representasi realisme masyarakat Melayu yang tidak terkesan dengan transformasi ekonomi ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis teks sebagai kaedah kajian utama dan temubual serta pengumpulan data sekunder sebagai pendekatan tambahan. Pendekatan sosiologi sastera (Hippolyte Taine) juga digunakan untuk menganalisis hubungan langsung antara filem dengan zaman, ras dan milieunya.

Kata kunci: *Ekonomi, Dasar Ekonomi Baru (DEB), filem Rahim Razali, isu Melayu, jati diri.*

The Manifestation of the Malays Economic Polemics in Film *Abang*

ABSTRACT

This article discusses the issues of economics which are designated as the theme in the film *Abang* (1981), directed by film director Rahim Razali. In general, the Malays experienced a marked change in the economy when the Malaysian Government established the New Economic Policy (NEP) in 1971 through the second Malaysian Plan (RMK-2). This policy aims to create a socio-economic balance for everyone and to form a unity amongst races. It has created more opportunity for the Malays to take advantage of the rapid growth of national economy. On the other hand, the policy has also triggered new conflicts and polemics among the Malays. The film, which was made ten years after the policy was established, basically was a social critic of Rahim Razali over the Malay community in the era of the 80s, mainly related to the drastic changes in the economy and the challenges in upholding the Malay custom and culture. All the values and cultural deviation realism had been translated through the characters of Dato' Din's family, while the characters of the villagers represent the community who was not affected by the economic transformation. This study utilizes qualitative method that is by analyzing the text as the primary research method, and interview as well as secondary data collection as the additional approach. The sociology of literature approach (Hippolyte Taine) is also used to analyse the relation between the film and its era, race and the milieu.

Keywords: *Economics, new economic policy (NEP), Rahim Razali's film. Malay issues, self-worth.*

PENDAHULUAN

Perubahan taraf sosial dan kehidupan masyarakat Melayu atas faktor ekonomi merupakan peristiwa penting dalam rekod kelangsungan dan juga perkembangan masyarakat Melayu di Malaysia. Sejarah Malaysia mencatatkan banyak peristiwa suka dan duka yang berlaku pada masyarakat Melayu di negara ini akibat daripada evolusi yang tercetus atas faktor ekonomi. Persoalan berkaitan dengan perubahan ekonomi dan pembangunan negara seperti ini adalah penting untuk diketengahkan kerana mesej seperti ini dapat memberikan refleksi jelas kepada masyarakat mengenai sejarah dan juga pembangunan peradaban bangsa mereka.

Secara umumnya, orang Melayu mengalami perubahan dalam ekonomi yang ketara apabila kerajaan Malaysia mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 melalui Rancangan Malaysia kedua (RMK-2) (Wan Abdul Kadir, 2006; Shahriza, Nur Zafifa & Irlisuhayu, 2013; Mohamad Asrol, Ishak, & Khairi, 2014; Hasnah, 2018; Ravallion, 2019; Sofea, 2019). Pembentukan dasar ini bertujuan mewujudkan keseimbangan sosioekonomi kepada semua rakyat serta membentuk perpaduan antara kaum. Faktor kemiskinan yang merangkumi semua kaum di Malaysia telah dikenal pasti berpunca daripada pengagihan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum ketika itu. Dalam hal ini, bilangan kaum Melayu didapati lebih ramai menghadapi masalah kemiskinan dan jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi selain kurang mampu bersaing dengan kaum yang lain (Gomez, Saravanamuttu & Maznah, 2013; Norashidah, Norasmah & Noraishah, 2009; Hamidah, Muhammad & Norlin, 2009; Yahaya & Norsiah, 2006). Menurut rekod yang dicatatkan oleh Silcock (Raja Mohammad, 1982, hlm. 27), pada tahun 1947 dan 1957 dianggarkan kaum Cina menerima 3/5 daripada jumlah keseluruhan pendapatan Malaya (Malaysia Barat), manakala kaum Melayu hanya menerima (lebih sedikit daripada) 1/5 sahaja daripada jumlah keseluruhan pendapatan tersebut.

Beberapa kajian lain pula merekodkan bahawa secara purata nilai perbelanjaan penggunaan isi rumah Melayu adalah yang terendah berbanding kaum lain, iaitu hanya sebanyak RM510.49 berbanding dengan perbelanjaan isi rumah Cina, iaitu sebanyak RM875.25; manakala perbelanjaan isi rumah India sebanyak RM813.88 dan isi rumah kaum lain sebanyak RM1026.42 (Hamidah, Muhammad Daud, & Norlin, 2009). Bilangan ini jelas menunjukkan ketidaksetaraan dalam agihan pendapatan di Malaysia ketika itu. Ketidakseimbangan ekonomi antara kaum juga dapat dilihat dengan merujuk kepada jumlah pegangan hak milik saham dalam syarikat berhad di Malaysia Barat dalam tahun 1970, apabila orang Melayu hanya memiliki 2.4% hak milik syer berbanding Cina yang mencatatkan sebanyak 27.2% syer dan 63.3% hak milik syer untuk orang asing (Rancangan Malaysia Ketiga 1976-80, dinyatakan dalam Hamidah, Muhammad Daud & Norlin, 2009). Jumlah peratusan tersebut secara tidak langsung menunjukkan jurang pemilikan saham antara kaum Melayu dengan kaum majoriti lain di Malaysia yang besar sehingga mengakibatkan ketidakseimbangan ekonomi yang ketara.

Catatan sejarah mengenai peristiwa berdarah yang berlaku pada 13 Mei 1969 juga merupakan rentetan daripada kegelisahan antara kaum disebabkan jurang kedudukan ekonomi yang ketara. Konflik berdarah antara kaum yang melanda rakyat Malaysia ketika itu akhirnya telah memberikan kesedaran bahawa faktor ekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan politik dan sosial negara. Berikutan peristiwa tersebut, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menggubal DEB untuk membaiki kedudukan jurang ekonomi antara kaum yang telah wujud sekian lama di samping mencapai perpaduan antara rakyat di negara ini (Hamidah, Muhammad & Norlin, 2009; Wan, 1988). Sebagai usaha menjayakan matlamat utama DEB untuk mencapai perpaduan negara, dua strategi bercorak serampang dua mata telah digerakkan, iaitu melalui pengurangan dan seterusnya

pembasmian kemiskinan dalam kalangan rakyat tanpa mengira kaum dan juga penyusunan semula struktur masyarakat Malaysia supaya dapat menghapuskan pengenalan kaum berasaskan ciri ekonomi dan tempat tinggal.

Sepuluh tahun setelah tertubuhnya DEB, Rahim Razali telah menghasilkan filem *Abang* (1981) dengan mengangkat isu perubahan hidup orang Melayu pada dekad 80-an. Ketika itu orang Melayu mula bergiat secara kompetitif dalam bidang ekonomi hasil daripada pelaksanaan DEB yang baru sahaja diperkenalkan oleh kerajaan. Menurut Yahaya dan Norsiah (2006), Wan Abdul Kadir (2006), Shahriza, Nur Zafifa dan Irlisuhayu (2013), Mohamad Asrol, Ishak dan Khairi (2014), Hasnah (2018), Ravallion (2019), dan Sofea (2019), dekad 80-an juga saat bermulanya gerakan yang lebih serius oleh pihak kerajaan untuk melahirkan usahawan baharu, terutamanya bumiputera, yang mampu bersaing di pentas ekonomi yang terbuka luas, iaitu dengan mewujudkan kementerian khusus berkaitan dengan keusahawanan.

Kesan daripada penubuhan dasar ini, pertumbuhan ekonomi orang Melayu semakin berkembang maju (Hamidah, Muhammad Daud, & Norlin, 2009) terutamanya mereka yang tinggal di kawasan bandar. Menurut Mohamad Zahir, Roziah dan Mohd Fauzi (2015), berbanding dengan negara jiran, Indonesia, dasar sosial yang diinisiatifkan oleh kerajaan seperti DEB telah membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia dan mewujudkan peluang yang lebih luas kepada masyarakat kelas menengah. Crouch (1996) dan Mohamad Zahir, Roziah, dan Mohd Fauzi (2015) menyifatkan DEB telah berjaya mentransformasikan struktur kelas di Malaysia hasil daripada pertumbuhan pesat ekonomi. Perubahan ketara boleh dilihat apabila berlakunya peningkatan dalam kelompok kelas menengah bandar dan pengurangan penduduk luar bandar. Evolusi ini telah dipacu oleh DEB yang berjaya mengurangkan jurang pendapatan antara kaum.

Menurut Syed Husin (2004), pelaksanaan DEB ini banyak membuka ruang kepada orang Melayu untuk mengambil peluang daripada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat ketika itu setelah mengalami satu tempoh kemerosotan ekonomi yang panjang. Beliau juga menyatakan bahawa sejak DEB ini diperkenalkan di negara ini, dasar baru ini telah berjaya melahirkan ramai jutawan Melayu yang setaraf dan setanding dengan jutawan bukan Melayu baik dalam mahupun luar negara. Memetik kata-kata beliau mengenai situasi perubahan ekonomi terhadap orang Melayu sepanjang pelaksanaan DEB:

Projek-projek pembangunan, pelaksanaan penswastaan dan kecergasan pasaran saham luar negara membuka banyak peluang ekonomi bukan sahaja kepada syarikat bahkan kepada individu. Ramai jutawan dan beberapa ribu jutawan Melayu telah muncul dalam tempoh dua dekad yang lalu, setelah Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan (Syed Husin, 2004).

Hasilnya, kesan positif ke atas peratusan pemilikan modal masyarakat bumiputera ketika itu juga dilihat semakin meningkat daripada 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 12.5 peratus pada tahun 1980 (Hamidah, Muhammad & Norlin, 2009). Gambaran yang diberikan oleh Syed Husin Ali itu seiring dengan kenyataan yang diberikan oleh Rahim Razali ketika beliau menceritakan perubahan ekonomi yang berlaku pada orang Melayu pada dekad 80-an selepas tercetusnya DEB yang sekali gus mendorong beliau untuk mendokumentasikan proses perubahan ini dalam filem *Abang*. Menurut Rahim Razali, dekad 80-an menyaksikan permulaan kejayaan orang Melayu membina empayar dalam dunia korporat. Walaupun golongan ini tidak menonjolkan diri pada waktu itu, kebangkitan orang Melayu dalam bidang

ini sudah pun bermula (Rahim Razali, komunikasi peribadi, Oktober 1, 2016). Haluan dan arah tuju bangsa Melayu ketika itu sudah berubah daripada bangsa yang hanya mahu bekerja dengan kerajaan, ataupun menjadi petani dan nelayan, menjadi bangsa yang proaktif dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Orang Melayu mula menunjukkan minat untuk mempelajari soal ekonomi, perniagaan, perbankan dan sebagainya. Memetik kata-kata Rahim Razali:

Sekarang [ketika itu] bangsa Melayu itu sudah berubah. Sifat sudah berubah. Aras tujunya sudah berubah. Harus kita tonjolkan soal-soal perubahan bangsa kita ini. Itulah yang mendorongkan saya membuat filem *Abang* (Rahim Razali, komunikasi peribadi, Oktober 1, 2016).

Secara ringkas, filem *Abang* merupakan cetusan daripada pemikiran Rahim Razali yang merakamkan kejadian dan perkembangan kehidupan masyarakat Melayu dalam era 80-an hasil daripada evolusi dan perubahan ekonomi selepas tercetusnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) di negara ini. Filem ini juga merupakan teguran Rahim Razali kepada masyarakatnya supaya orang Melayu harus sentiasa kembali kepada fundamental budaya dan jati diri walau setinggi mana kejayaan yang telah diraih. Rakaman realiti sosial masyarakat mengenai perjuangan dan kemelut masyarakat Melayu dalam era 80-an hasil daripada perubahan struktur ekonomi pada waktu itu telah diangkat dan diperkemas menjadi sebuah naratif dalam filem tersebut. Filem ini sarat dengan idea dan mesej mendidik masyarakat dan khalayak, khususnya supaya kekal dengan semangat jati diri Melayu walaupun negara sedang mengalami transisi hidup ke arah modenisasi dan globalisasi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut sarjana seperti Hassan dan Wong (2002) dan Chang (2017), perubahan sosiobudaya dan politik yang berlaku pada era 80-an tercermin dalam filem-filem Rahim Razali. Hal ini selari dengan perubahan kepimpinan politik Malaysia pada ketika itu apabila Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada tahun 1981. Nasir (2014) dan Zawawi (2007) pula menyatakan sekiranya P. Ramlee menceritakan zaman yang mencerminkan masyarakat Melayu terutamanya Melayu Singapura pasca-Perang Dunia Kedua dalam karya filemnya, Rahim Razali pula datang dengan filem yang memberikan refleksi zaman pasca kemerdekaan di Malaysia, iaitu selepas tercetusnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai pemangkin ekonomi Melayu ketika itu. Para sarjana lain seperti Badrul dan Faridah (2011), Norman (2011), Chang (2017) serta Jamaluddin (2020) turut bersetuju bahawa Rahim Razali telah membawa perubahan dan meletakkan tanda aras intelektual baru dalam industri perfilman negara dengan mengangkat realisme sosiobudaya dan politik bangsa sebagai tema filemnya.

Beberapa kajian lepas menunjukkan pelaksanaan, keberkesanannya dan impak DEB terutamanya kepada masyarakat Melayu yang dicitrakan oleh Rahim Razali melalui filem *Abang*. Hasnah (2018) dalam kajiannya menyatakan mengenai kejayaan negara dalam merapatkan jurang ketidakseimbangan pegangan ekonomi setelah tercetusnya DEB sekaligus menangani isu perpaduan negara. Menurut Hasnah (2009), dasar baru ini turut berjaya menghapuskan pengenalan ekonomi mengikut kaum dengan perubahan komposisi kaum terutamanya Melayu dalam pemilikan ekonomi serta turut memberi kesan ke atas bidang politik dan sosial. Kajian Mohamad Asrol, Ishak dan Khairi (2014) pula mendapat kemiskinan

orang Melayu telah berjaya dikurangkan dari 49.3 % kepada 29.2 % dalam masa sepuluh tahun, iaitu bermula pada tahun 1970-an sehingga tahun 1980-an.

Seterusnya, kajian Zulkarnain, Pandian dan Azeem (2008) memfokuskan kepada pencapaian pembangunan sosial yang telah dinikmati negara sepanjang 50 tahun yang lalu. Menurut kajian ini, perancangan kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan melalui DEB berjaya apabila hampir separuh daripada isi keluarga pada tahun 1970-an dapat keluar dari paras kemiskinan. Selain itu, sebanyak 7.24 juta peluang telah diwujudkan dengan peningkatan sebanyak 261 peratus dari tahun 1970-an sehingga ke tahun 2007. Perkembangan ini telah dihubungkaitkan dengan ekonomi yang semakin dinamik bersesuaian dengan cetusan dasar yang disusun untuk meningkatkan peluang pekerjaan melalui DEB. Untuk melihat dalam skop yang lebih kecil, kajian yang dilakukan oleh Harzidatul (2015) pula memberi tumpuan kepada keberkesanan DEB kepada sosioekonomi penduduk di daerah Manjung yang meliputi tempoh selama 20 tahun, iaitu dari tahun 1970 sehingga tahun 1990. Dapatan kajian ini mendapati perkembangan positif di daerah Manjung terutamanya dalam aspek ekonomi, pembangunan infrastruktur dan taraf hidup masyarakatnya.

Terdapat juga kajian yang melihat kepada skop peningkatan status dan taraf hidup serta kejayaan masyarakat Melayu hasil dari penubuhan DEB ini. Kajian Jamaie (2020) dalam *Dinamika Pembangunan Melayu: Dari Kepimpinan Umno* menyatakan bahawa kejayaan DEB dapat dilihat apabila semakin ramai orang Melayu mampu untuk mendapat pendidikan yang baik, menjawat jawatan tinggi dan terdapat juga institusi-institusi amanah yang melatih orang Melayu dalam lapangan perniagaan. Usaha ini merupakan suatu manifestasi tekad kerajaan untuk melahirkan usahawan dan korporat Melayu yang berdaya saing dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Melihat dari sudut jatidiri dan pelestarian budaya Melayu, Wan Abdul Kadir (2006) menyatakan bahawa pelaksanaan DEB telah mempercepatkan proses modenisasi dan urbanisasi. Natijahnya, transformasi ekonomi ini telah mengakibatkan penyebaran budaya moden secara meluas kepada setiap lapis masyarakat sekaligus memberi kesan kepada sosiobudaya dan identiti masyarakat Melayu. Bahan budaya popular dari luar yang dapat diakses dengan mudah seperti fesyen, pakaian, hiburan, makanan, minuman, hasil seni, dan lain-lain turut mula digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan juga bukan lagi menjadi perkara asing dalam masyarakat yang mengalami globalisasi ekonomi. Malah perkembangan ini menampakkan suatu krisis dalam masyarakat Melayu apabila tradisi dan budaya mula diketepikan.

Secara umumnya, beberapa kajian lepas telah merekodkan keberkesanan dan impak pelaksanaan DEB terutamanya dalam aspek pembangunan ekonomi, taraf hidup serta pelestarian jatidiri dan budaya di kalangan masyarakat Melayu. Kajian lepas ini memberi signifikasi kepada naratif dalam filem *Abang* yang mencitrakan mengenai polemik ekonomi orang Melayu lanjutan dari penubuhan DEB. Kajian lepas ini turut memberi pengertian bahawa filem merupakan cermin masyarakat, budaya, dan sejarah serta dapat mendokumentasikan perubahan sosial dan anjakan kemasyarakatan dan perubahan sosial.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan menganalisis teks sebagai kaedah kajian utama, dan temubual serta pengumpulan data sekunder sebagai pendekatan tambahan. Terdapat tiga prosedur yang telah dijalankan semasa menganalisis teks tersebut, iaitu dengan menjalankan langkah identifikasi dan dokumentasi, penyiasatan dan

pembahagian data, serta interpretasi dan analisis. Satu temubual bersama Rahim Razali juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Bahan-bahan rujukan seperti buku, kertas kerja seminar, dan sebagainya turut dikumpulkan sebagai data sekunder. Data sekunder tersebut diteliti dan direkodkan untuk kegunaan di bahagian analisis kajian.

Dari sudut teori, pendekatan sosiologi sastera dilihat sebagai kaedah paling sesuai untuk diguna pakai bagi membedah filem *Abang* yang akan menyingkap budaya masyarakat Melayu. Hippolyte Taine menyatakan dalam bukunya *History of English Literature* (2008), bahawa pengetahuan mengenai fakta tentang sesuatu zaman (*epoch*), ras (*race*) dan juga milieu (*surrounding*), mampu memberikan kefahaman mengenai lingkungan budaya yang melahirkan seseorang pengarang berserta karyanya. Menurutnya lagi, persekitaran sosial ialah faktor penting dalam pengkaryaan (Swingewood, 1972, hlm. 37): "*Literature always adapts itself to the taste of those who can appreciate and pay for it.*" Pernyataan ini bermaksud faktor lingkungan masyarakat serta keluarga yang mencorakkan pemikiran pengarang, situasi sosiopolitik, isu ekonomi, budaya, keadaan alam, suasana dan faktor sosial ini memberikan inspirasi kepada pengarang untuk dijadikan karya seni yang selari dengan peristiwa kontekstualnya. Hal ini juga membuktikan bahawa adanya hubungan langsung antara filem dengan zaman, ras dan milieunya, iaitu pengarang adalah sebagai wakil masyarakat, yang mencatat, menulis dan menginterpretasikan peristiwa melalui filemnya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam filem *Abang*, Rahim Razali telah mengetengahkan perbezaan dua mileu berbeza yang mencerminkan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu era 80-an bagi mewakili dua kumpulan Melayu yang tinggal di bandar dan di luar bandar. Keluarga Dato' Din dan Datin Fatimah serta anak-anak mereka, iaitu Fuad, Faizal, Farid, dan Dila mewakili masyarakat Melayu yang berjaya, terutamanya dalam bidang bisnes dan korporat. Keluarga Dato' Din ialah simbol Melayu baharu yang melalui perubahan drastik dalam ekonomi mereka dan sekaligus mengubah cara kehidupan, sosial dan budaya kehidupan seharian.

Perubahan Ekonomi Mentransformasikan Melayu Dari Aspek Kuasa dan Material

Segala kemajuan dari segi material ini telah digambarkan melalui visual kekayaan keluarga Dato' Din dalam bentuk fizikal seperti rumah yang besar, kereta yang mewah, dan juga bangunan pejabat yang gah dan moden. Malah anak-anak Dato' Din juga digambarkan mempunyai latar belakang pendidikan yang baik sehingga ke peringkat universiti. Syarikat Din Enterprises Sdn. Bhd. yang diterajui oleh keluarga Dato' Din juga divisualkan oleh Rahim Razali sebagai sebuah syarikat Bumiputera yang kukuh dengan bilangan pekerja yang ramai. Kedudukan syarikat ini juga strategik kerana berada di tengah-tengah Kuala Lumpur. Syarikat Din Enterprises Sdn. Bhd. juga ditempatkan di dalam bangunan yang tinggi pencakar langit serta mempunyai ruang pejabat yang luas dan cantik dengan kemudahan infrastruktur pejabat yang serba lengkap.

Dalam filem ini Dato' Din dipaparkan tinggal bersama keluarganya di sebuah banglo yang luas serta mewah, lengkap dengan hiasan pintu masuk berukir cantik sebagai simbol kepada kekayaan mereka. Anak-anak Dato' Din, Fuad (tuan punya syarikat Din Enterprises Sdn Bhd), Faizal, Farid dan Dila juga turut divisualkan hidup senang dan berkemampuan, seiring dengan kelas masyarakat mereka. Dato' Din juga dipaparkan memiliki kereta mewah berjenama Mercedes, lengkap dengan pemandu peribadi untuk kemudahan beliau ke tempat kerja dan ke mana-mana sahaja dengan bantuan pemandunya.

Pada era permulaan 80-an, kekayaan seperti ini ialah sesuatu yang baharu untuk masyarakat Melayu khasnya, dan amat jarang berlaku pada masyarakat Melayu pada era sebelumnya. Gelaran Dato' yang dimiliki oleh Dato' Din ini juga merupakan pernyataan jelas bahawa beliau sudah berada dalam taraf hidup dan sosial yang berbeza. Visual nama jawatan Dato' Din dan anak-anaknya yang dipamerkan di pintu masuk pejabat juga memberikan perlambangan kepada kuasa sosial dan juga kuasa ekonomi. Segala pemaparan imej kemewahan dan keunggulan yang ditunjukkan memberi signifikasi bahawa keluarga Dato' Din ini merupakan sebuah keluarga Melayu yang berjaya terutamanya dalam menempatkan diri mereka dalam persaingan ekonomi pada era tersebut. Ini dapat dilihat jelas daripada kekayaan dan cara hidup yang ditunjukkan oleh keluarga ini.

Selain aspek kebangkitan ekonomi orang Melayu dan natijahnya kepada struktur sosial, perubahan ekonomi yang drastik hasil daripada DEB dilihat memberikan impak kepada norma sosial, budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu ketika itu. Dalam memastikan kejayaan DEB ini, proses urbanisasi telah dijadikan langkah seterusnya oleh kerajaan untuk memupuk keseimbangan ekonomi antara bandar dengan luar bandar. Dasar baharu berskala besar ini kemudiannya telah menuntut perubahan struktur sosial dalam masyarakat pula, terutamanya orang Melayu. Menurut Mazhan (2016), Che (2019), dan Nur Nabilah, Mohd Iskandar dan Norul Fazlina (2020), perubahan dari sudut ekonomi ini telah melahirkan satu lagi kelas sosial selain kelas menengah yang terdiri daripada golongan separa profesional dan profesional dalam masyarakat bandar yang dikenali sebagai masyarakat industri hasil ledakan ekonomi perindustrian ketika itu. Peluang ekonomi yang lebih luas di bandar ketika itu telah menarik minat ramai penduduk luar bandar berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih menjanjikan pulangan dari segi pendapatan. Wan Abdul Kadir (2006) dalam ucapan tama beliau "Identiti Budaya Melayu Dalam Pembangunan Industri Budaya" pula menyatakan bahawa peningkatan jumlah orang Melayu yang berhijrah ke ibu kota atas faktor ekonomi ini telah memudahkan penyebaran pengaruh budaya Barat yang banyak berpusat di bandar-bandar.

Perubahan pesat yang berlaku di bandar-bandar ini telah memberikan impak kepada budaya Melayu apabila budaya tradisional ini dilihat mula diketepikan atau disesuaikan dengan keperluan baharu. Perubahan sebegini sememangnya sukar dibendung kerana perubahan sosial masyarakat mempunyai kaitan kuat dengan perubahan ekonomi semasa. Malah, menurut Khoo (1979), perubahan ekonomi ialah aspek utama yang mencorakkan setiap perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Memetik kata-kata beliau:

Ekonomi merupakan daya penggerak yang penting dalam kehidupan manusia. Perubahan-perubahan yang utama dalam sejarah manusia sering kali terjadi akibat persaingan ekonomi atau pengejaran sumber-sumber ekonomi (Khoo, 1979).

Perkembangan ekonomi yang pesat secara tidak langsung mempengaruhi kedudukan budaya dan tradisi Melayu. Fenomena ekonomi ini turut mengakibatkan nilai sosial dan kehidupan berubah hasil daripada proses modernisasi. Malah, keadaan ini menyebabkan kedudukan budaya tradisional dalam kehidupan masyarakat semakin dipinggirkan. Generasi muda yang telah didedahkan kepada nilai moden sejak kecil pula sukar untuk memahami dan menghayati budaya sendiri.

Perubahan Ekonomi Mencetuskan Polemik Jati Diri Dalam Kalangan Melayu

Perubahan ekonomi yang pesat terutamanya di bandar-bandar selepas DEB telah mencetuskan konflik dan polemik baru dalam kalangan orang Melayu ketika itu. Menurut Rahim Razali (komunikasi peribadi, Oktober 1, 2016), orang Melayu telah mengalami satu proses perubahan yang besar, iaitu daripada bangsa yang hanya memfokuskan pertanian dan hasil laut serta aktiviti ekonomi tradisional, kepada bangsa yang sama-sama berjuang dalam ekonomi serta pembangunan negara. Natijahnya, orang Melayu ketika itu mula menghadapi cabaran dan masalah baharu, terutamanya yang berkaitan dengan jati diri serta kelangsungan bangsa Melayu dalam menjunjung adat dan budaya bangsa. Bukan itu sahaja, cabaran dan permasalahan dalam dunia perniagaan juga menjadi lebih besar, kritikal, dan kompleks.

Polemik tersebut diterjemahkan oleh Rahim Razali dalam filem *Abang* melalui keluarga Dato' Din dan keluarganya. Atas perubahan ekonomi yang cemerlang yang dinikmati oleh masyarakat Melayu dalam era tersebut, mahu tidak mahu keluarga ini turut mengalami perubahan dalam nilai sosial kehidupan dan krisis identiti serta perubahan jati diri akibat daripada pertembungan budaya Timur dan Barat. Nilai tradisi dilihat semakin terpinggir dalam kehidupan mereka dan diganti dengan nilai yang lebih pesat dan moden. Beberapa perubahan yang berlaku dalam kehidupan orang Melayu pada masa itu telah divisualkan oleh Rahim dalam watak-watak filem *Abang* sebagai refleksi kepada perubahan situasi sosial orang Melayu selepas 10 tahun tercetusnya DEB. Hal ini akan dibincangkan mengikut tema-tema seperti berikut:

a. Bahasa Pertuturan

Menurut Wan Abdul Kadir (2006) bahasa adalah antara ejen utama yang disebarluaskan oleh kuasa Barat secara meluas dan menyeluruh melalui proses globalisasi ekonomi. Kekuasaan ekonomi, teknologi dan ilmu yang dikuasai Barat turut memberikan pengaruh besar dalam penyebaran bahasa Inggeris dalam kehidupan masyarakat tempatan yang juga rancak bergerak mengikut kepesatan ekonomi semasa. Impak daripada pengaruh kolonialisasi Barat dan proses globalisasi ekonomi ini dapat dilihat apabila bahasa Inggeris mula digunakan secara meluas dalam sektor pekerjaan dan di institusi pendidikan serta turut mendapat pengiktirafan dalam masyarakat (Ibrahim Majdi & Maliati, 2020). Polemik bahasa ini turut dicitrakan dalam keluarga Dato' Din apabila bahasa pertuturan yang digunakan oleh ahli keluarga ini ialah campuran bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Penggunaan campuran bahasa ibunda Melayu dan bahasa Inggeris oleh keluarga Dato' Din sebagai bahasa interaksi di dalam mahupun di luar rumah bersama keluarga dan rakan, juga memberikan pengertian bahawa mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang bagus dan turut mempunyai akses serta pendedahan dengan dunia Barat. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pertuturan pada era tersebut juga memberikan justifikasi bahawa keluarga ini sudah pun berada dalam tingkat kelas sosial elit dan bercampur dengan golongan masyarakat yang mempunyai status yang setaraf dan turut bertutur dalam bahasa Inggeris. Selain itu, anak-anak Dato' Din juga dilihat lebih senang menyapa dengan menggunakan '*Hello!*' sesama mereka berbanding memberikan ucapan salam '*Assalamualaikum*' seperti kelaziman orang Melayu. Penggunaan adab dan tatatertib Barat sering menjadi pilihan keluarga Dato' Din dan perlahan-lahan menggantikan adab tradisional Melayu.

Melihat kepada skop yang lebih kecil, Farid dan isterinya, Nazreen dilihat senang menggunakan kata ganti nama dalam bahasa Inggeris, iaitu *I* dan *You*, dalam perbualan mereka. Nazreen ialah contoh golongan Melayu aliran moden yang memilih untuk

menggunakan nama suaminya iaitu ‘Farid’ sebagai panggilan seperti yang biasa digunakan oleh masyarakat Barat. Secara tidak langsung menolak norma masyarakat Melayu tipikal ketika itu yang kebiasaannya memanggil suami dengan panggilan seperti ‘abang’ sebagai tanda hormat. Malah di puncak naratif filem ini, terdapat satu babak yang memaparkan Nazreen dengan tulus hati memohon maaf kepada Farid atas semua kesalahan dirinya yang mungkin telah menyinggung perasaan Farid dalam diam sebagai ketua keluarga. Dalam babak tersebut Nazreen akhirnya telah memanggil Farid dengan panggilan ‘abang’ sepertimana yang biasa berlaku dalam norma kehidupan masyarakat Melayu. Memetik dialog tersebut:

Farid : Nyawa saya, abang (merujuk kepada abangnya, Fuad dan Faizal).
Abang peduli apa?! Kalau saya nak gadai ke, nak jual ke nak lelong ke.
Saya punya pasal! Kalau saya tak mahu hidup pun saya punya pasal.
Yang semua ambil berat ni kenapa?
Nazreen : Abang, kenapa cakap macam tu? Tak baik bang... Mengucap bang.
Farid : Abang? Sejak bila kau ber ‘abang’ dengan aku Nazreen? Apa dah jadi
dengan hidup bebas kau tu? Kau ada hutang baru? Merayu pada aku
untuk aku langsaikan?
Nazreen : Jangan bang! Jangan cakap gitu... Naz tahu Naz tamak... Naz
menyusahkan hidup abang. Naz minta ampun bang. Malam ni Naz
insaf. Naz sedar macam mana tamak hampir meragut nyawa abang.
Naz sayangkan abang... Ampun bang

- *Abang* (1981)

Melalui dialog yang diucapkan oleh Nazreen, jelas dirinya turut mengakui bahawa sifat tamak yang telah lama mempengaruhinya selama ini telah mengakibatkan dia hilang arah, jati diri sebagai Melayu dan Islam kerana memilih untuk hidup bebas bercondongkan Barat serta mementingkan material semata-mata.

b. Pakaian

Pakaian juga adalah antara komoditi budaya yang dapat disebarluaskan secara global melalui aspek ekonomi. Menurut Wan Abdul Kadir (2006) komoditi budaya keluaran industri budaya global seperti ini akan membawa masuk bersamanya nilai sosial yang mewakili simbol kemodenan, kemajuan dan juga peradaban. Menurutnya lagi, penyebaran bahan budaya luar seperti ini memberi tekanan kepada budaya tradisional Melayu yang diamalkan selama ini. Kajian Hafizah (2019) pula menyatakan kemajuan serta globalisasi turut memberi implikasi kepada masyarakat untuk berubah kepada gaya berpakaian yang lebih moden.

Dalam filem ini, kebanyakan pakaian yang dipakai oleh keluarga Dato’ Din jelas menunjukkan bahawa keluarga ini cenderung dengan gaya pakaian Barat. Dato’ Din dan anak-anak lelakinya kelihatan selesa dengan memakai kemeja dan juga *blazer*. Dato’ Din juga kadangkala mengenakan sut busjaket ketika beliau berada di pejabat. Walau bagaimanapun, kecenderungan budaya Barat itu dilihat lebih ketara pada pemakaian watak wanita, iaitu Nazreen, isteri Farid dan adiknya, Dila. Nazreen dan Dila digambarkan sebagai individu yang gemar memakai gaun singkat yang mendedahkan sebahagian tubuh badannya terutamanya di bahagian bahu dan dada. Pakaian watak-watak dalam filem *Abang* ini ialah perlambangan dan pernyataan tentang kebebasan dan kemodenan yang diikuti oleh keluarga Dato’ Din.

c. Amalan Gaya Hidup Barat

(i) Pemakaian Kasut di dalam Rumah

Pinjaman budaya Barat sebagai amalan gaya hidup sehari-hari turut dipaparkan dalam filem *Abang* dengan menunjukkan keluarga Dato' Din memakai kasut di dalam rumah. Pemakaian kasut dilarang keras dalam kebanyakan masyarakat Asia kerana tidak mencerminkan adab dan adat ketimuran, terutamanya bagi golongan Melayu. Tidak memakai kasut di dalam rumah juga melambangkan budi bahasa bagi masyarakat Melayu (Noor Aina, 2011; Shida & Badaruddin, 2014; Nazra & Abdul Latif, 2020). Malahan buku *Malay Courtesy* karangan Mubin Sheppard turut mencatatkan keperluan untuk membuka kasut sebelum memasuki rumah bagi masyarakat Melayu. Memetik tulisan beliau mengenai perkara ini:

No Malay under any circumstances would wear his or her shoes inside a Malay house, and even non-Malays would be expected to leave their shoes on the steps and enter in their socks (Sheppard, 1959, hlm. 6)

Kepentingan membuka kasut bagi orang Melayu juga memberikan konotasi tatatertib dalam menjaga kebersihan di dalam rumah. Kebersihan dalam rumah penting untuk masyarakat Melayu yang majoritinya beragama Islam kerana di situ juga tempat untuk mereka menjalankan ibadah solat. Maka untuk memenuhi kewajiban menunaikan ibadah tersebut terdapat pula keperluan untuk memastikan kawasan ibadah itu bersih daripada kekotoran (Sheppard, 1959, hlm. 6).

Walau bagaimanapun, melalui filem *Abang* ini, pemakaian kasut di dalam rumah oleh keluarga Dato' Din jelas sebagai pelanggaran adat Melayu yang sememangnya mementingkan adab dan budi bahasa dalam setiap perbuatan harian. Malahan sebagai seorang Melayu yang menganuti agama Islam, mereka sepatutnya patuh dengan syariat Islam yang mementingkan soal kebersihan sebagai satu cara hidup yang dituntut dalam agama. Sebaliknya, kedua-dua faktor penting ini, iaitu faktor budaya dan agama bukan lagi menjadi soal penting dalam kehidupan Dato' Din sekeluarga.

(ii) Minuman Keras Menjadi Amalan Biasa

Selain mengamalkan budaya Barat dengan memakai kasut di dalam rumah, imej minuman keras yang dipaparkan berada di rumah Dato' Din juga ialah suatu tanda penerimaan amalan budaya Barat secara total. Minuman keras merupakan perkara tabu dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional dan juga dilarang keras dalam agama Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu di sini. Filem ini turut memaparkan minuman keras dijadikan sebagai hidangan untuk tetamu ketika keluarga Dato' Din mengadakan keraian menyambut kepulangan Fuad ke pangkuan keluarga di rumahnya. Malah tetamu kelihatan tidak kekok dengan kehadiran hidangan minuman keras tersebut.

Farid pula digambarkan sebagai kaki botol dan individu yang lemah pegangan serta sering menjadikan minuman keras sebagai solusi untuk melupakan perkara yang memberatkan hatinya ketika diuji masalah. Perbualan Farid dan isterinya Nazreen menunjukkan keadaan diri Farid bersama imej botol minuman keras di tepi kolam renang sebagai satu pernyataan bahawa keadaan dirinya yang tidak stabil dari segi emosi dan juga fikiran. Kerunsingan tersebut muncul kerana Farid bimbang abangnya Fuad sebagai tuan punya syarikat, akan mendapat tahu segala penyelewengan yang telah dilakukan olehnya ke atas syarikat Din Enterprises Sdn. Bhd sekali gus merampas kedudukannya sebagai Pengarah dalam syarikat.

Farid : I takutkan dia Naz... I takut dia *fed up* dengan kita semua Naz... terutama kita berdua... kita dah banyak balun hartanya Naz. I percaya mesti dirinya sudah banyak berubah sekarang. Dia bukan lagi keluarga kita. Dia bukan lagi orang Melayu! Hari ni I mesti tentang dia! I mesti lawan dia! Mesti!

- Abang (1981)

Dalam dialog tersebut Farid menuduh abangnya Fuad telah berubah dan bukan lagi Melayu dari sudut pemikiran dan tindak-tanduk beliau. Ironinya, Fuad tidak pernah lupa tentang jati dirinya sebagai orang Melayu, walaupun telah menetap selama 10 tahun di negara Barat. Farid pula walaupun tinggal di bumi dan tanah air sendiri namun dia tidak lagi hidup menjunjung adat dan tradisi sebagai orang Melayu kerana kejutan budaya yang dialaminya hasil daripada perubahan ekonomi dan kuasa yang dimiliki.

Walaupun dalam filem ini Farid digambarkan sebagai seorang yang berpendidikan tinggi dan berasal daripada keluarga yang baik dan terhormat, Farid telah bertukar menjadi seorang pemabuk kerana memilih untuk hidup bertunjangkan material semata-mata sehingga lupa pada keluarga, tradisi, budaya, agama dan asal usulnya. Memetik kata-kata Faizal ketika menegur sikap negatif adiknya Farid:

Faizal: Farid masa di bangku sekolah dulu kau dihormati orang. Kau disanjung tinggi oleh kawan-kawan kau. Lebih-lebih lagi oleh keluarga kau. Kau *sportman*, bola, lumba lari, rugbi, hoki, kau lincah, berani. Di universiti pun begitu juga. Kau bukan sahaja rajin sukan tetapi pemimpin, *students union*, macam-macam lagi. Kau dihormati dan disegani. Sebab kau berani. Berani menghadapi cabaran. Kau tak takut menentang segala-galanya. Tetapi mengapa sejak kau dah bekerja sejak kau dah berkahwin kau jadi pengecut, penakut!

- Abang (1981)

Merujuk kepada dialog tersebut, Farid pernah menjadi seorang pemimpin pelajar yang dihormati dan disegani kerana sifat beraninya. Kenyataan ini memberi cerminan kepada ciri-ciri bangsa Melayu yang sememangnya terkenal sebagai bangsa yang berani sifatnya dengan mengambil contoh pahlawan legenda Melayu, Hang Tuah yang berfungsi sebagai simbol keperwiraan bangsa Melayu. Menurut Ayu, Mohamed Ali dan Wayu (2017) serta Rahimah (2018) menyatakan sifat keperwiraan Hang Tuah ini digambarkan melalui sifatnya yang berani, kecekalan hati, keyakinan penuh pada diri sendiri yang menjadi lambang kehebatan dan keperwiraan bangsa Melayu itu sendiri. Sifat kehebatan dan keberanian Melayu seperti itu pernah ada dalam diri Farid sehingga dia diangkat menjadi pemimpin pelajar, dihormati dan disegani, namun keadaan semasa telah mengubahnya menjadi manusia yang sebaliknya apabila Farid digambarkan sebagai Melayu yang hanyut dalam perubahan sosial yang dibawa oleh kepesatan ekonomi.

Teguran pedas juga dilemparkan kepada Farid oleh abang sulungnya, Fuad, apabila dia melihat adiknya yang sedang duduk mabuk bersama botol-botol minuman keras selepas tamat majlis keramaian untuk menyambut kepulangannya dari London.

Fuad : Memang seumur hidupmu kau telah bersalah, Farid. Kau suka sangat hidup berpura-pura. Menghayati segala yang asing pada dirimu, menolak segala yang hakiki. Hairan... hairan aku dengan pemuda seperti kau. Terpelajar sahaja sedikit, maju sahaja sedikit, tak sempat-sempat nak memeluk satu keperibadian baru, personaliti yang progresif konon! Walhal apa yang progresif itu berbadan kafir! Berbau hapak!

- *Abang* (1981)

Kata-kata keras Fuad ini lahir daripada kekesalan dirinya melihat adiknya yang hanyut dalam peredaran dan mengagung-agungkan budaya Barat dengan menjunjung budaya baru yang asing daripada peradaban budaya Timur. Farid yang kini seorang pemabuk dan menjadikan minuman keras sebagai jalan mudah untuk melupakan segala masalah, ditegur oleh Fuad sebagai pengikut aliran progresif yang moden yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan dirinya. Fuad juga mencemuh perbuatan Farid yang kaki botol sebagai ‘kafir’ dan ‘berbau hapak’ bagi mengekspresikan rasa kesal atas perlakuan adiknya yang sudah jauh menyimpang daripada syariat Islam dan norma kehidupan Melayu.

Bagi Rahim Razali (komunikasi peribadi, Oktober 1, 2016), Farid ialah contoh Melayu yang mendapat pendedahan pendidikan yang bagus namun gagal mendidik diri sendiri untuk menjadi insan yang baik. Perubahan sosial dan kemewahan yang dinikmati secara tiba-tiba dalam kepesatan ekonomi negara, sedikit demi sedikit telah menukar sifat dirinya menjadi individualistik dan tamak.

(iii) *Perhubungan Bebas Suami Isteri*

Pengaruh hidup secara bebas yang ditiru daripada dunia Barat juga turut mempengaruhi hubungan suami isteri antara Farid dengan isterinya Nazreen. Dalam filem ini, suami isteri ini mengamalkan hubungan terbuka dan bebas menjalankan hubungan luar dengan pasangan lain yang jelas melanggar adat dan budaya masyarakat Melayu yang menyangung tinggi kehormatan dan kesucian hubungan suami isteri. Terdapat beberapa dialog yang dimasukkan antara Farid dengan Nazreen yang menyingkap hubungan sumbang mereka sebagai lambang kebebasan dan liberalisasi yang dipraktiskan oleh suami isteri ini. Memetik perbualan Farid dan Nazreen di dalam kereta ketika dalam perjalanan ke rumah Dato' Din:

Nazreen : Farid, hari ni I cukup tersinggung. Cukup sakit hati!

Farid : Kenapa?

Nazreen : Ayah!

Farid : Ayah? Ayah buat apa dekat *you*?

Nazreen : You tahu bila / kata / tak boleh ke rumahnya sebab / kena hantar *client* ke *fashion show*, You tahu apa jawab dia “katakan pada Nazreen aku tak peduli, dia ada *fashion show* ke, *tiger show* ke malam ni pada pukul 7 tepat dia mesti berada di rumah mertuanya”

Farid : Huh! (Mengeluh) / sendiri pun merasa pelik dunia nak kiamat ke?

Nazreen : Hmm... Rosak program malam ni ya.

Farid : Uh? (Hairan)

Nazreen : Ala pura-pura pulak! Siapa *heroin* you malam ni?

Farid : Ok Naz! Dah lah tu. Jangan mula nak melarat-larat pulak.

Nazreen : *Come on Big Daddy!* Kita kan kahwin bebas. *You ada date. I pun ada date.*

Farid : Cukup Naz!

Nazreen : I punya *date* malam ni *very special* pulak tu!

Farid : *Will you shut up!*

- *Abang* (1981)

Dialog antara Farid dengan isterinya Nazreen ini memberikan gambaran serta konotasi yang gelap dan negatif kepada hubungan mereka sebagai suami isteri yang berlatarbelakangkan adat budaya Timur dan juga sebagai seorang Melayu yang bertunjangkan agama Islam. Dalam budaya Melayu, maruah dan moral kaum wanita amat diambil berat (Zaireeni, 2001; Khairiah, 2019). Maka, mendidik dan membudayakan anak-anak perempuan dilakukan sejak kecil lagi supaya wanita Melayu mampu berperanan untuk menjadi seorang isteri yang taat dan ibu yang baik pada suatu hari nanti (Asiah, 1960; Shuhairimi & Huzili, 2012; Haryana, 2015; Khairiah, 2019). Malah, wanita Melayu sentiasa dikehendaki menjaga kehormatan dan tidak boleh sewenang-wenangnya keluar dan bergerak bebas ke sana ke mari. Perkara seperti ini amat dijaga dalam masyarakat tradisional Melayu untuk menunjukkan peri pentingnya untuk wanita Melayu menjaga kesucian diri (Zaireeni, 2001 & Khairiah, 2019). Walau bagaimanapun, semua pernyataan tentang kewajaran sebagai wanita Melayu yang dinyatakan tersebut tiada pada Nazreen. Nazreen ialah watak wanita *urban* yang bebas mengikut kata hati. Etika, moral dan perlakunya adalah amat bertentangan dengan imej wanita Melayu tradisional.

Jelas babak di atas memperlihatkan watak Farid dan isterinya Nazreen tidak lagi berpegang pada adat dan budaya Melayu yang amat menghormati institusi kekeluargaan kerana kedua-dua mereka gagal berperanan sebagai suami isteri yang menjaga maruah dan kesucian diri serta keluarga. Mereka juga telah melanggar undang-undang syariah Islam yang menjadi agama rasmi untuk majoriti masyarakat Melayu di Malaysia. Merujuk kepada firman Allah dalam surah An-Nisa, ayat ke 34: *Kaum lelaki adalah qawwam (pemimpin) bagi kaum wanita.* Ayat al-Quran ini menjelaskan tanggungjawab suami sebagai pemimpin kepada isterinya. Maka wajib untuk suami menunjukkan teladan yang baik serta membimbing isteri ke jalan yang direddai. Firman Allah dalam Al-Isra, ayat ke 32 pula menceritakan kewajipan untuk lelaki dan wanita menjaga kehormatan mereka serta menjauhi perbuatan zina.

Dan janganlah kalian mendekati penzinaan, kerana sesungguhnya perbuatan zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk
(Terjemahan Al-Quran, Surah al-Isra, ayat 32).

Ayat ini memperingatkan larangan mendekati perkara yang berkaitan penzinaan. Larangan ini tidak hanya dari aspek perbuatan zina semata-mata, tetapi termasuk seluruh perkara yang mendorong kepada perbuatan zina.

Berbalik kepada Farid dan isterinya Nazreen, nyata melalui dialog di atas, kedua-dua mereka telah melanggar hukum dan syariat Islam kerana mempraktiskan hubungan bebas yang boleh mendorong kepada perbuatan zina. Perbuatan mereka ini juga telah mencemari institusi keluarga yang sepatutnya dijaga kehormatannya.

Perubahan Ekonomi Mengubah Nilai Hidup dan Budaya

Secara umum, segala pemaparan imej melalui watak-watak keluarga Dato' Din ini boleh disimpulkan sebagai refleksi daripada kelompok Melayu baharu pada era tersebut yang bergelut dengan perubahan drastik dalam ekonomi mereka dan sekali gus mengubah cara kehidupan, sosial dan budaya serta kehidupan sehari-hari. Perubahan drastik yang dinikmati atas kejayaan kemajuan ekonomi oleh keluarga Dato' Din ini kemudiannya membawa mereka kepada polemik nilai budaya yang semakin terhakis dalam kehidupan sehari-hari. Polemik nilai yang dikatakan ini terluah daripada kata-kata Faizal ketika bercerita kepada Fuad, bagaimana janggalnya kehidupan mereka (keluarga Dato' Din) ketika baru sahaja menerima kekayaan dan syarikat perniagaan yang ditinggalkan oleh Fuad selama abangnya di luar negara.

Faizal : *Allright big brother! I tell you what our problems were!* Bila abang pergi meninggalkan segala harta benda abang dalam jagaan kami. Kami, ayah, Farid, saya seperti beruk jumpa belacan! Tiba-tiba ada harta ada business ada kuasa untuk menggunakan wang sesuka hati kami... itu paling utama yang kami rasakan itulah kesan yang paling penting pemergian abang sehingga kepulangan abang membuatkan kami merasa segan, malu marah bukan suka atau gembira seperti apa yang sepatutnya kami rasakan... mestikah abang menyatakan pemergian abang dulu untuk kebaikan?!

- *Abang* (1981)

Dalam hal ini, perumpamaan “seperti beruk jumpa belacan” yang digunakan oleh Faizal untuk keluarganya memberi maksud kepada kejutan budaya yang dialami oleh mereka setelah mendapat kuasa ekonomi yang tiba-tiba. Perubahan ini membuat mereka alpa dan lupa sehingga menjadikan keluarga ini menjadi manusia yang bersikap materialistik sibuk mengejar kemodenan dan mula meninggalkan nilai tradisi sendiri.

Segala hal perubahan nilai hidup oleh keluarga Dato' Din yang disebutkan di atas membuatkan Fuad yang baru sahaja pulang dari luar negara merasakan keluarganya ini sudah jauh meninggalkan akar dan nilai hidup adat serta budaya Melayu. Kemarahan Fuad tidak dapat dibendung lagi apabila melihat adiknya yang hanyut dengan budaya Barat dan menjadi seorang kaki botol bagaikan sudah melupakan keturunan dan asal usul dan didikan sebagai seorang Melayu dan Islam. Memetik kata-kata Fuad ketika meluahkan kekesalan dirinya apabila melihat adiknya Faizal yang sedang mabuk bersama botol-botol minuman keras:

Fuad : Aku mengatakan dalam hidup pura-pura kau tu. Kau telah lupakan dirimu! Keturunanmu! Asal usulmu! Didikanmu! Semuanya kau telah lupakan!

- *Abang* (1981)

Dialog yang diucapkan oleh Faizal dan Fuad di atas ini juga seiring dengan pendapat yang dinyatakan oleh Wan Abdul Kadir (1988) serta Aishah dan Katiman (2017) ketika menyentuh mengenai soal perubahan ekonomi yang memberikan kesan kepada nilai tradisi dan budaya. Unsur budaya dan tradisi yang semakin lemah dalam masyarakat menyebabkan Melayu ketika itu terdorong untuk lebih bersikap individualistik dan materialistik.

Kebangkitan ekonomi serta kekayaan yang diterima secara drastik juga telah mewujudkan kegemparan dalam kehidupan ramai orang Melayu ketika itu sekaligus menukar sifat mereka.

Pemaparan Imej di Kawasan Luar Bandar dalam Filem Abang

Untuk melengkapkan representasi realisme masyarakat Melayu pada zaman tersebut, seterusnya, secara simbolik dalam filem ini, Rahim Razali mewujudkan pula imej yang bertentangan dengan perlambangan imej Barat yang dipraktikkan oleh keluarga Dato' Din di bandar. Masyarakat kampung digambarkan masih mengekalkan jati diri Melayu dan tidak terkesan dengan perubahan ekonomi yang sedang pesat berlaku di negara ketika itu.

Menurut Gomez, Saravanamuttu dan Maznah (2013), Thillainathan dan Cheong (2016), Mohd Hudzairi, Mohd Yusof dan Zaimah (2018), dan Ravallion (2019), DEB sememangnya telah berjaya mengurangkan kemiskinan dalam kalangan orang Melayu, tetapi kejayaan ini hanya meliputi beberapa kelompok kumpulan sasar sahaja, dan bukanlah kepada seluruh orang Melayu. Akibatnya, masyarakat Melayu di luar bandar masih berada pada tahap kemiskinan, malahan mewujudkan jurang perbezaan taraf ekonomi yang sangat ketara antara masyarakat Melayu di bandar dengan di luar bandar.

Kajian lepas merekodkan pada tahun 1990, iaitu penghujung pelaksanaan DEB, kemiskinan di kawasan luar bandar masih tinggi (Drabble, 2000; Mohamad Zahir, Roziah & Mohd Fauzi, 2015; Thillainathan & Cheong, 2016; Mohd Hudzairi, Mohd Yusof & Zaimah, 2018; Ravallion, 2019). Petani dan penoreh getah menjadi kelompok utama berada di bawah paras kemiskinan (Mohamad Zahir, Roziah & Mohd Fauzi, 2015; Siti Ruzana, Rahilah, Azlizan & Russli, 2021). Perbezaan pembangunan ekonomi agak ketara antara penduduk bandar dengan di luar bandar. Taraf ekonomi semakin pesat di kawasan bandar dengan pusat perniagaan, bangunan tinggi dan nadi pentadbiran kerajaan.

Oleh sebab antara matlamat penting dasar ini adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat Melayu dalam bidang pengkorporatan dan memangkinkan pemilikan perniagaan besar milik bumiputera, keadaan ini mengakibatkan golongan miskin termasuk mereka yang terlibat dalam perusahaan luar bandar pula ketinggalan. Jurang ekonomi yang berbeza antara penduduk Melayu di bandar dan di luar bandar ini telah menyebabkan sebahagian orang Melayu tidak menikmati banyak kemajuan dari segi ekonomi sekaligus budaya dan kehidupan seharian mereka juga tidak banyak yang berubah.

Terdapat pelbagai imej simbolik yang digambarkan oleh Rahim Razali dalam filem ini bagi menunjukkan perbezaan yang mewakili dua *milieu* yang berbeza. Sekiranya Fuad disambut dengan majlis berunsur kebaratan ketika di rumah Dato' Din sebagai meraikan kepulangannya ke tanah air, di kampung pula Fuad telah diraikan dengan majlis kenduri doa selamat yang telah dirancang rapi oleh orang kampung. Majlis di kampung ini diusahakan secara bergotong-royong dalam suasana yang harmoni. Imej budaya Melayu juga dimasukkan semasa kenduri ini berlangsung sebagai satu contoh perlambangan masyarakat kampung yang masih mendukung adat dan tradisi.

Pakaian masyarakat kampung juga adalah berbeza daripada imej masyarakat di kota. Kebanyakan masyarakat kampung di situ memakai pakaian tradisional Melayu seperti baju Melayu, seluar, kain pelekat, baju kurung, baju kurung kedah, kain batik dan selendang. Pakaian mereka ini lebih sopan dan menutup aurat berbanding pakaian masyarakat bandar. Seterusnya, aktiviti sosial yang dilakukan oleh masyarakat kampung juga lebih santai dan dekat dengan alam seperti mandi sungai, memanjat pokok kelapa, menaiki basikal dan

bermain upih. Aktiviti sosial ini sudah tentu berbeza sekali dengan masyarakat bandar ketika itu yang sudah mempunyai kehidupan sosial yang berbeza. Dila, contohnya, gemar bermain muzik seperti piano, menyanyi di kelab dan juga menyertai aktiviti sukan lasak yang mahal seperti pemanduan laju di trek litar.

Makanan yang ditunjukkan dalam filem ini juga secara tidak langsung menggambarkan dua dunia yang mengamalkan cara hidup dan budaya yang berbeza. Makanan yang disajikan untuk kenduri ketika di kampung ialah makanan tradisional Melayu yang diadun dengan pelbagai jenis daun dan ulam-ulaman yang sumbernya adalah daripada tanah di situ. Imej makanan di kampung ini jauh bertentangan dengan imej makanan yang dipaparkan di bandar, iaitu minuman keras ketika berlangsungnya keraian menyambut kepulangan Fuad oleh keluarganya. Tetamu juga menikmati hidangan dengan suasana santai sambil berdiri dan bersosial sesama mereka seperti yang selalu diperlihatkan dalam filem-filem Barat.

Pencitraan imej di desa dan di bandar ini menunjukkan perbezaan sosial yang wujud natijah daripada pelaksanaan DEB pada dekad 80-an. Dua keadaan kehidupan orang Melayu yang tinggal di bandar dan di luar bandar yang divisualkan dalam filem ini, mewakili keduadua golongan orang Melayu yang mempunyai nilai hidup yang berbeza. Perlambangan melalui imej yang digambarkan oleh Rahim Razali dalam filem ini serta dialog pelakonnya, jelas menggambarkan pertembungan budaya dua dunia masyarakat Melayu di bandar dan di kampung pada ketika itu.

KESIMPULAN

Secara umum, perubahan ekonomi yang berlaku selepas tertubuhnya DEB di Malaysia ketika itu memberi impak perubahan sosial dan taraf hidup ramai masyarakat Melayu terutamanya di bandar. Orang Melayu berpeluang untuk sama-sama berdaya saing dalam dunia korporat sekaligus membaiki taraf ekonomi dan kehidupan mereka. Fenomena baharu ini memberi petunjuk kepada kebangkitan Melayu baru selepas tertubuhnya DEB. Peningkatan dalam ekonomi ini membantu masyarakat Melayu untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka dengan kemudahan asas yang lebih baik. Natijahnya, masyarakat Melayu di bandar menerima akses nilai Barat yang dibawa masuk secara tidak langsung melalui kemudahan pendidikan, hiburan, dan media massa. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut telah mempengaruhi corak kehidupan seharian dan budaya yang diamalkan.

Pada masa yang sama, di sebalik perubahan sosial dari segi taraf hidup dan budaya yang berlaku di bandar, masyarakat Melayu di kampung pula masih lagi berada di takuk yang sama. Penubuhan DEB tidak banyak memberi kesan terutamanya dari segi ekonomi kepada penduduk Melayu di luar bandar. Orang Melayu di kampung masih lagi menjalani sistem ekonomi tradisional dan masih hidup dalam kemiskinan. Kemudahan asas masih lagi tidak sebaik masyarakat yang berada di bandar. Secara tidak langsung, perkara ini turut mempengaruhi keutuhan adat dan budaya masyarakat Melayu di kampung kerana kurangnya akses pengaruh luar terutamanya dari Barat dalam sistem kehidupan mereka ketika itu. Melihat kepada perubahan besar yang berlaku dalam sejarah kelangsungan dunia Melayu, Rahim Razali merasakan adanya keperluan untuk mendokumentasi segala rentetan perubahan ini dalam filem pertama beliau.

Rakaman sejarah dari sudut ekonomi yang dipaparkan dalam filem ini turut memberikan refleksi kepada pemikiran Taine (1992) dalam pendekatan sosiologi sastera yang menyatakan wujudnya kaitan di antara aspek perubahan ekonomi dalam sesebuah masyarakat itu dengan karya seni yang dihasilkan. Tema ekonomi yang diambil daripada

kisah sebenar yang berlaku di tanah air pada suatu masa dahulu ini juga merupakan hasil produk daripada proses sejarah yang mempengaruhi penciptaan sesebuah karya sastera.

BIODATA

Siti Normala binti Hamzah (PhD), merupakan pensyarah kanan dari Pusat Penulisan Kreatif, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi Mara. Kajiannya memfokuskan kepada kajian filem dan budaya. Email: normalahamzah@uitm.edu.my

RUJUKAN

- Asiah Abu Samah. (1960). Emancipation of Malay women 1945-1960. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaya Singapura.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2017). Hang Tuah lambang peradaban bangsa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 20-34.
- Badrul Redzuan Abdul Hassan, & Faridah Ibrahim. (2011). Membangun 'sinema sikap': Memproblematik hubungan kekuasaan Melayu-Tionghua dalam *Mukhsin*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 137-160.
- Chang, H. N. (2017). *Unfolding time to configure a collective entity: Alternative digital motives as Malaysian national cinema* [Doctor of Philosophy Dissertation, Ohio University]. Ohio Link ETD Center.
- Che Abdul Daim Zainuddin. (2019). *The creation and implementation of the new economic policy: Success and failure, 1970–2008* [PhD thesis]. University Malaya.
- Crouch, H. (1996). *Government and society in Malaysia*. Cornell University Press.
<http://www.jstor.org/stable/10.7591/j.ctvv414dc>
- Drabble, J. H. (2000). *An economic history of Malaysia*. Macmillan Press Ltd.
- Gomez, E. T., Saravanamuttu, J., & Maznah Mohamad. (2013). Malaysia's new economic policy: Resolving horizontal inequalities, creating inequities? In E. T. Gomez, & J. Saravanamuttu (Eds.), *The new economic policy in Malaysia* (pp. 1-30). NUS Press.
- Hafizah. (2019). Perubahan gaya perempuan berpakaian akibat kemajuan teknologi dan globalisasi serta implikasinya terhadap pendidikan. *Jurnal Pendidikan Rokania*, 4(1), 167-182.
- Hamidah Ab Rahman, Muhammad Daud, & Norlin Ahmad. (2009). Pembangunan ekonomi dalam hubungan etnik. Dalam Kassim Thukiman, & Hamidah Abdul Rahman (pynt.), *Hubungan etnik di Malaysia: Perspektif, teori dan praktik* (pp. 185-198). Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Haryana Rozana Abdul Rahim. (2015). Dilemma wanita berpendidikan tinggi: Faktor-faktor wanita berhenti kerja. *Sarjana*, 3(1), 99-117.
- Harzidatul 'Aini Bohari. (2015). *Dasar ekonomi baru: Kesan sosioekonomi di daerah Manjung, Perak (1970-1990)* [Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia]. USM Repository.
<http://eprints.usm.my/id/eprint/30129>
- Hasnah Hussiin. (2018). Integrasi kaum dalam rancangan pembangunan negara: Tumpuan selepas dasar ekonomi baru. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 4(1), 58-73. <https://jurnal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/953>
- Hasnah Hussiin. (2009). Kesan modenisasi ke atas kaum di Malaysia. *Jurnal UMP Sains Sosial dan Pengurusan Teknologi*, 1(1), 13-22. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/14129>
- Hassan Muthalib, & Wong, T. C. (2002). Malaysia gentle winds of change. In A. Vasudev, L. Padgoankar, & R. Doraisamy (Eds), *Being and becoming: The cinema of Asia* (pp. 28-301). New Delhi: Macmillan.
- Ibrahim Majdi Moanad Kamil, & Maliati Mohamad. (2020). Cabaran pemerkasaan bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 181-191. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.152>
- Jamaie Hamil. (2020). Dinamika pembangunan Melayu: Dari kepimpinan Umno. *Journal of International Studies*, 1, 133-151.
<http://e-jurnal.uum.edu.my/index.php/jis/article/view/7846>

- Jamaluddin Aziz. (2020). "Say cheese": Family photos, modern Malay masculinity and family narrative in some Malaysian films. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 282-293.
- Khairiah Mohd Yassin. (2019). Konsep keperibadian dan kesantunan wanita Melayu menurut perspektif Ibu Zain. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 01-13.
- Khoo Kay Kim. (2015, Mei 23). Realisasikan segera P. Ramlee sebagai ikon perpaduan negara. *USM News*. <https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/973-p-ramlee>
- Mazhan Awang. (2016, Ogos 30). Mendepani cabaran perubahan sosial. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/mendepani-cabaran-perubahan-sosial-1.376384>
- Mohamad Asrol Arpidi Mamat, Ishak Saat, & Khairi Ariffin. (2014). Impak dasar ekonomi baru ke atas peningkatan ekonomi bumiputera selepas tragedi 13 Mei 1969. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(3), 138-151.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1680>
- Mohamad Zahir Zainudin, Roziah Omar, & Mohd Fauzi Kamarudin. (2015). Implementasi dasar sosial dan impak kepada komuniti: Kajian perbandingan di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(3), 29-40.
- Mohd Hudzairi Mansor Mohd Nadzira, Mohd Yusof Hussaina, & Zaimah Ramlia. (2018). Azam tani membangunkan tahap daya saing cara tidak langsung terhadap peserta beragama Islam di Seberang Perai, Pulau Pinang. *Abqari, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 18, 148-165.
- Mohd Yuszaidy Yusoff, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 33-46.
- Nasir Jani. (2014 Ogos, 17). Produser, pengarah, penonton tanggungjawab sosial. *Sinar Harian*.
- Nawi Abdullah, & Wan Ariffin Wan Ahmad. (2007). Perkembangan kelas menengah Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, 86-108.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9733/6872>
- Nazra Alif Nazri, & Abdul Latif Ahmad. (2020). Drama adaptasi Korea: Suatu analisis terhadap pemaparan agama dan adat dalam drama 'alamatnya cinta'. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 243-257.
- Noor Aina Dani. (2011). Aplikasi kaedah analisis kandungan: Gambaran budi bahasa dan nilai murni orang Melayu dalam buku *Malay Courtesy. Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 121-136.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman, & Noraishah Buang. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes keusahawanan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- Norman Yusoff. (2011, Ogos 24). Membangunkan budaya filem. *Utusan Malaysia*.
- Nur Nabilah Ahmad Shahlan, Mohd Iskandar Abd Malek, & Norul Fazlina Khashim. (2020). Tipologi perumahan bandar mikro bagi golongan bujang B40 di Kuala Lumpur. *Journal Design + Built*, 13(1), 136-150.
- Rahim Razali (Pengarah). (1981). *Abang [Filem]*. Fleet Communication Sdn. Bhd.
- Rahimah Hamdan. (2018). Wira Melayu menurut persepsi pelajar. *Jurnal Kesidang*, 3, 33-39.

- Raja Mohammad Affandi. (1982). *Perusahaan awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Ravallion, M. (2019). Ethnic inequality and poverty in Malaysia Since 1969 [NBER Working Paper 25640]. National Bureau of Economic Research (NBER).
<https://www.nber.org/papers/w25640>
- Shahriza Ilyana Ramli, Nur Zafifa Kamaruzzaman, & Irlisuhayu Mohd Ramli. (2013). Malaysia's new economic policy: Issues and debate. *American Journal of Economics*, 3(2), 108-112.
- Sheppard, M. (1959). *Malay courtesy: A narrative account of Malay manners and customs in everyday lives*. Singapore: D. Moore for Eastern Universities Press.
- Shida Irwana Omar, & Badaruddin Mohamed. (2014). Amalan hospitaliti dalam masyarakat Melayu tradisional dan sekarang: Kajian kes program Inap Desa di Jalan Bharu. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shuhairimi Abdullah, & Huzili Hussin. (2012). Ekspektasi antara hasrat dan realiti wanita berkerjaya terhadap pengurusan kekeluargaan: Kajian di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication*, 1, 107-127.
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh, & Russli Kamaruddin. (2021). Sumbangan angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) terhadap masyarakat Melayu di Malaysia dalam menangani isu sosioekonomi, 1971-2000. *Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 24(1), 171-191.
- Sofea Izrin Lee Adam Lee. (2019). *Hidup Melayu: Malaysia's new economic policy as a response to popular discourse on Malay identity* [Thesis of Honors Senior Capstone, DePaul University]. Academics.
- Syed Hussin Ali. (2004). *Merdeka, rakyat & keadilan*. Petaling Jaya: SIRD.
- Taine, H. (2008). *History of English literature*. USA: BiblioBazaar, LLC.
- Thillainathan, R., & Cheong, K.C. (2016). Malaysia's new economic policy, growth and distribution: Revisiting the debate. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53, 51-68.
- Wan Abdul Kadir. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof. (2006). Identiti Budaya Melayu dalam perkembangan industri budaya. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006*, November 8-9, Petaling Jaya, Selangor. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/8625>
- Yahaya Ibrahim, & Norsiah Ahmad. (2006). Keusahawanan dan daya saing usahawan Melayu di sektor pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 16-33.
- Zaireeni Azmi. (2001). Gender dan politik: Kajian kes ke atas Wanita UMNO dan PAS di Terengganu dan Selangor [Tesis Master, Universiti Malaya]. MALRep.
- Zawawi Ibrahim. (2007). A critical appraisal of Malay modernity and representation of Malayness in Rahim Razali's films. *Asian Journal of Science*, 35(4), 511-527.
- Zulkarnain A. Hatta, Pandian, S., & Azeem Fazwan Ahmad Farouk. (2017). Pembangunan sosial 50 tahun merdeka. *Jurnal Kemanusiaan*, 6(2), 33-42.
<https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/192>